

## Islam di Antara Kejahilan Pemeluknya dan Kelemahan Iman.

Kita tidak menafikan bahawa di dalam semua negeri-negeri Islam di hari ini ada didapati kaum intelek Islam yang berpelajaran tinggi di dalam pengetahuan agama. Di dalam dada mereka tersemat cita-cita mulia untuk mengembalikan Islam ke zamannya yang gemilang. Tetapi cita-cita yang tidak didorong oleh semangat mahu berjuang, reda berkorban, tahan menderita, maka cita-cita itu walau setinggi langit sekali pun tidak ada ertinya sama sekali. Ia tetap menjadi suatu cita-cita yang terpendam beku di lubuk kalbu yang mati tak bermaya.

Terjemahan bebas oleh: Azmi  
(XII)

### 3. Golongan yang berpelajaran agama

Golongan orang-orang yang berpelajaran agama ini termasuklah kaum intelek Islam yang mempunyai pengetahuan luas di lapangan pengajian Islam dan di lapangan pelajaran yang lain. Bilangan mereka ini bukannya sedikit sekali pun mereka lebih sedikit jika dibandingkan dengan golongan orang-orang yang terpelajar Barat. Golongan ini mempunyai pengaruh yang besar di dalam masyarakat segala bangsa yang ada perhubungan dan pertaliannya dengan Islam, tetapi yang amat mendukacitakan golongan ini tidak dapat mempengaruhi orang-orang yang mempunyai kekuasaan di dalam pemerintahan. Sebahagian besar daripada golongan yang berpelajaran agama ini tidak menjawat sebarang jawatan di jabatan-jabatan negara selain daripada menjadi mubaligh, imam atau pun guru. Ada juga di antara mereka yang menjawat jawatan hakim, tetapi sayangnya mereka tidak diberi kekuasaan penuh untuk menghukum selain daripada perkara-perkara kecil yang berhubung dengan peribadi (seperti nikah kahwin, talak dan cerai – P.)

Sebelum undang-undang barat dibawa masuk dan digunakan di dalam negeri-negeri Islam, golongan intelek-intelek agama mempunyai kekuasaan yang luas di dalam urusan pemerintahan negara. Tetapi setelah undang-undang barat itu mempengaruhi gedung-gedung mahkamah di dalam negara-negara Islam maka kedudukan mereka dengan tiba-tiba menjadi berubah, pengaruh mereka di kalangan rakyat mulai berkurang dan pada akhirnya kekuasaan menghukum yang selama ini terletak di dalam tangan mereka hilang sama sekali. Begitulah keadaan mereka sepanjang zaman hingga ke hari ini, mereka hanya diam membisu seribu bahasa, tidak mahu bergerak dan tidak pula mahu bertindak, tetapi mereka bersabar kerana kelemahan.

Seluruh umat Islam meletakkan tanggungjawab yang sepenuh-penuhnya ke atas pundak (tengkuk) golongan intelek agama ini, supaya mereka bergerak memperjuangkan sesuatu demi untuk mempertahankan kedudukan Islam yang sedang dihimpit oleh perkembangan kebudayaan Barat di seluruh negara-negara Islam, lantaran mereka lebih mengetahui tentang hukum-hukum Islam, pengetahuan

mereka di lapangan agama lebih meluas dan pengalaman mereka dalam soal memperjuangkan hak-hak Islam lebih mendalam. Tetapi mengapa mereka lemah melakukannya? Inilah yang menjadi suatu tanda tanya yang payah dihapuskan dari ingatan seluruh umat Islam di hari ini.

Di sana ada segolongan orang-orang Islam yang berpendapat bahawa sebab-sebab timbulnya kelemahan ini adalah berpunca dari begitu meluasnya pengaruh kekuasaan undang-undang Barat yang digunakan di dalam negara-negara Islam, hingga terhapusnya kekuasaan hukum di dalam syariat Islam yang pernah pada suatu masa dahulu berjaya membimbing seluruh kaum Muslimin mengatur suatu masyarakat Islam yang sentiasa bergerak maju ke arah lapangan hidup yang tinggi mulia.

Hasil dari gejala-gejala ini semuanya muncullah suatu generasi yang menamakan diri mereka “Pemuda-Pemudi Angkatan baru” yang jahil sama sekali tentang hukum-hukum agama mereka – selain daripada hukum-hukum yang bersangkutan dengan ibadah dan sedikit-sedikit

## Islam di Antara Kejahilan ..

hukum mengenai diri masing-masing – sehingga dengan sebab kejahilan mereka tentang agama yang mereka anut mereka menyangka bahawa hukum-hukum agama yang terkandung di dalam syariat Islam itu adalah hukum-hukum yang sudah lapuk dan kolot yang sudah tidak sesuai lagi dipraktikkan (dilaksanakan) di dalam zaman yang serba moden ini. Dengan sebab cetek dan sempitnya pengetahuan mereka tentang Islam, sehingga dengan tidak mereka sedari bahawa setengah daripada hukum-hukum yang dipakai di dalam undang-undang Barat yang mereka agung-agungkan itu adalah diambil daripada sumber al-Qur'an dan al-hadith. Oleh yang demikian kita dapati sebahagian daripada hukum-hukum yang terkandung di dalam buku undang-undang Barat itu tidak bertentangan dengan hukum-hukum yang terkandung di dalam syariat Islam. Ini semuanya tidak mereka sedari, bahkan ada pula golongan mereka-mereka yang berpelajaran Barat itu berpendapat bahawa tugas-tugas hukum Islam itu hanya sesuai dijalankan di dalam urusan agama sahaja dan tidak sesuai dijalankan di dalam urusan pemerintahan – perkara ini sudah kita bentangkan dengan panjang lebar di dalam makalah yang lalu – yang amat mendukacitakan kita hari ini, hanya tinggal golongan para ulama sahaja yang masih mengenal syariat Islam dengan sedalam-dalamnya.

Kita tidak menyalahkan kelemahan tenaga yang ada pada para ulama daripada mempertahankan kesucian Islam, kerana kelemahan itu timbulnya daripada keadaan iklim yang berada di sekeliling masyarakat

mereka. Tetapi yang kita kesalkan ialah dari segi kelemahan jiwa mereka yang tidak mahu bergerak menghidupkan semangat berjuang, tidak mahu meniupkan roh berkorban di kalangan pemuda-pemuda Islam yang jiwa dan perasaan mereka masih hidup untuk membela kesucian dan kemuliaan Islam daripada dinodai oleh kebudayaan Barat yang kotor dan keji itu, mereka tidak mahu melapangkan waktu menceburkan diri di medan dakwah al-Islamiah yang tidak begitu banyak menggunakan tenaga yang telah tua tak berdaya. Mereka hanya diminta mencurahkan masa, mengorbankan sedikit waktu di lapangan tabligh untuk menghidupkan jiwa dan semangat Islam di kalangan pemuda-pemudi Islam yang telah mulai mabuk kepayang dibuaikan oleh kebudayaan-kebudayaan Barat perosak jiwa, meruntuhkan moral dan akhlak itu. Mengapa soal seruan Islam ini masih lagi dipandang ringan dan diabaikan oleh para ulama Islam dihari ini? Sedang di dalam kalimah-kalimah doa tidak putus-putus mereka berseru memohon ke hadirat Allah *subhānahu wa ta'āla* supaya taraf kedudukan umat Islam dipertinggikan daripada umat-umat yang lain, supaya kesucian agama Islam dipelihara, supaya negeri-negeri Islam dikurniakan kemakmuran dan keamanan. Adakah kesemua kejayaan-kejayaan yang dipinta itu dapat dilaksanakan semata-mata dengan doa sahaja tanpa usaha?

Kita tidak menafikan bahawa di dalam semua negeri-negeri Islam di hari ini ada didapati kaum intelek Islam yang berpelajaran tinggi di dalam pengetahuan agama, di dalam dada mereka tersemat

cita-cita mulia untuk mengembalikan Islam ke zamannya yang gemilang, tetapi cita-cita yang tidak didorong oleh semangat mahu berjuang, reda berkorban, tahan menderita, maka cita-cita itu walau setinggi langit sekalipun tidak ada ertinya sama sekali, ia tetap menjadi suatu cita-cita yang terpendam beku di lubuk kalbu yang mati tak bermaya. Kebekuan cita-cita ini adalah mereka warisi daripada datuk nenek mereka di zaman silam, di zaman kedudukan umat Islam mulai jatuh merosot, di zaman orang-oran Islam lebih mementingkan duduk berhari-hari di dalam masjid daripada keluar berusaha mencari nafkah hidup, di zaman kaum Muslimin melarikan diri daripada penderitaan-penderitaan jihad di jalan Allah. Kalau sejak dari zaman silam sekalian para ulama Islam bekerja keras, memperlipat gandakan tenaga mereka memberi kesedaran kepada orang-orang Muslimin agar bangkit berjuang mengembalikan kemuliaan agama mereka yang sedang diperkosa dan dinodai, meniupkan semangat berkorban untuk mengembalikan teraju pemerintahan Islam supaya dipegang dan dikendalikan oleh umat Islam sendiri, kalau ini semualah yang mereka perjuangkan dari sejak dahulu, nescaya tarah kedudukan umat Islam tidak seperti yang ada kita lihat pada hari ini, mereka masih tetap berada di puncak ketinggian seperti keadaan Islam di zaman Rasul dan para Sahabat.

Kita tidak pula menafikan adanya golongan kaum intelek Islam yang terdiri daripada generasi angkatan baru yang menjalankan dakwah Islam

## Islam di Antara Kejahilan ..

dengan tujuan untuk mempertinggikan syiar-syiar agama di kalangan rakyat jelata dengan menggalakkan mereka itu belajar membaca dan menulis sebagai tangga untuk mengenal Islam dengan perantaraan tulisan dan pembacaan. Tetapi sayangnya dakwah atau seruan yang mereka jalankan itu hanya terbatas di dalam lingkungan rakyat biasa yang tiada berpengetahuan, mengapa tugas dakwah yang seumpama ini tidak diperluaskan bidangnya kepada golongan intelek Islam yang berpendidikan Barat yang mempunyai pengaruh besar di kalangan rakyat? Bukankah di tangan mereka sekarang terletak kekuasaan hukum dan pemerintahan di dalam mana-mana negeri Islam?

Kita berpendapat bahawa kaum intelek Islam – sama ada mereka itu terdiri daripada kaum pelajar mahu pun para ulama – hendaklah sama-sama berpimpin tangan menggembelng tenaga untuk menanamkan semangat kesedaran kepada kaum intelek Islam yang berpendidikan Barat serta mengajar dan menerangkan kepada mereka tentang selok-belok pengajaran dan hukum-hukum Islam nan tinggi yang selama ini tidak mereka ketahui. Kalau sekiranya mereka betul-betul mengetahui hakikat kemuliaan, ketinggian dan kemantapan hukum-hukum Islam yang diciptakan oleh Allah 'Azza wa Jalla, maka mereka inilah yang diharapkan menjadi duta dan penyeru Islam, yang mana mereka mempunyai pengaruh besar di dalam masyarakat Islam sendiri.

Kita mahukan para ulama

Islam yang berani dan bersifat tegas memberikan penerangan-penerangan yang tepat jitu kepada golongan intelek-intelek Islam yang berpelajaran Barat tentang undang-undang Barat yang bertentangan dengan syariat Islam, dan di mana pula ada persesuaian di antara keduanya yang boleh dilaksanakan oleh mahkamah syariat yang kuatkuasa menjalankan hukum terletak di tangan orang-orang Islam. Kita tidak berani mengatakan bahawa kaum terpelajar kita yang berpendidikan Barat itu terdiri daripada golongan orang-orang yang degil dan liar tidak mahu mendekati ajaran-ajaran Islam, kerana mereka itu adalah orang-orang Islam seperti kita juga. Cumanya mereka itu belum mengenal akan hakikat Islam yang sebenarnya, tetapi mereka itu sedia menerima apa sahaja pengajaran-pengajaran yang bercorak Islam yang selama ini tersembunyi daripada pengetahuan mereka.

Kita mahukan para ulama Islam yang suka memberikan kemudahan kepada golongan orang-orang yang berpendidikan Barat dengan memimpin dan menggalakkan mereka mempelajari syariat Islam serta menyelidiki konsep-konsep dan teori-teori yang dibawanya supaya dapat diperbandingkan betapa tinggi pengajaran dan hikmah-hikmah yang dibawanya dengan pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh undang-undang dunia ciptaan manusia. Para ulama dengan mudah dapat melaksanakan tugas ini dengan menggunakan beberapa cara yang tertentu di antaranya:

1. Mengasaskan beberapa buah *lajnah* (lembaga) agama yang anggota-anggotanya terdiri daripada para ulama Islam dari berbagai-bagai aliran mazhab. Setiap *lajnah* ditugaskan membahas dan menyelidiki hukum-hukum yang terkandung di dalam kitab-kitab agama yang mempunyai pendapat-pendapat dari berbagai-bagai aliran mazhab, isi kandungan hukum yang didapati di dalam kitab-kitab tersebut hendaklah dipilih, digubal dan disusun menjadi sebuah kitab yang lengkap tetapi ringkas serta dijalin dengan jalan bahasa yang mudah difaham oleh semua peringkat.

2. Menyusun beberapa buah kitab fikah moden (bukan hukumnya moden tetapi cara persembahannya dimodankan-P;) dengan menggunakan jalan bahasa yang mudah difaham oleh semua golongan orang-orang Islam. Kitab-kitab itu hendaklah disusun dengan cara berpenggal-penggal dengan membentangkan di dalam tiap-tiap penggal hukum syarak yang tertentu. Umpamanya: penggal yang pertama dibentangkan berkenaan hukum-hukum jual beli, penggal yang kedua dibentangkan berkenaan hukum-hukum sewa menyewa, penggal yang ketiga dibentangkan hukum-hukum berkenaan persyarikatan, penggal keempat dibentangkan hukum-hukum berkenaan bankrapsi, penggal kelima hukum-hukum mengenai nikah kahwin, penggal keenam mengenai hukum-hukum 'ibādāt demikianlah seterusnya hingga beratus penggal jika perlu.

Kita memerlukan para ulama Islam yang betjiwa berani mengemukakan kepada

## Islam di Antara Kejahilan ..

ketua-ketua pemerintah dan pegawai-pegawai yang memegang teraju negara akan keindahan hukum yang terkandung di dalam syariat Islam serta menerangkan kepada mereka tentang keburukan sesuatu hukum di dalam undang-undang Barat yang berlawanan dengan hukum-hukum Islam. Teori-teori hukum Islam ini perlu juga

diterangkan kepada mereka yang gemar berpandukan undang-undang Barat di dalam menjatuhkan sesuatu hukum terhadap orang-orang Islam. Setiap orang Muslim tidak suka kepada penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan orang terhadap undang-undang Islam, tetapi sayangnya mereka itu sendiri tidak mengetahui rahsia keindahan satu-satu hukum yang terkandung di dalam syariat Islam.

Kita berkehendakkan para ulama yang berani memperjuangkan kesucian syariat Islam dari segala segi. Para ulama yang berani menentang kelahiran undang-undang baru (di dalam negara-negara Islam) dengan terlebih dahulu tidak meminta fikiran dan nasihat daripada mereka, agar setiap undang-undang yang baru lahir itu tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Bersambung.

BUKU BARU

SUDAH SIAP

# ISLAM

## PEMELUK DAN ULAMA-NYA

- MENGANALISA dengan tegas tentang kejahatan Pemeluk2 Islam terhadap hukum ugama yang mereka anuti, sa-hingga mereka menjadi suatu ummat yang mundur di-dunia ini
- MENGUPAS dngan panjang lebar tentang kelebihan, kemantapan dan keindahan undang2 Islam chiptaan Tuhan dari undang2 dunia chiptaan manusia.
- MENENTANG dengan keras ka-atas orang2 yang menda'wa hukum2 dalam Shari'at Islam itu tidak sesuai lagi di-praktekkan dalam zaman moden ini.
- MENGKERITIK dengan terus terang terhadap Pemembesar2 Negara Pemimpin2 Islam dan Para Ulama'-nya yang tidak mahu bertanggung-jawab menegakkan sa-buah negara yang berchorak Islam.
- TEBAL-NYA 175 muka, berkulit tebal warna warni. Di-chetak dalam huruf rumi dengan menggunakan jalan bahasa yang mudah di-faham oleh semua golongan masharakat.

Harga Sa-buah \$3.00

Pos 20 sen

Pesan-lah kepada:

**QALAM**

**8247, Jalan 225,**

**Petaling Jaya,**

**Selangor.**